

Malaysia ambil inisiatif tubuh Persyarikatan ASEAN

UM - 8 OCT 2003

BALI 7 Okt. — Malaysia mengambil inisiatif untuk menubuhkan Persyarikatan ASEAN sebagai usaha mengukuhkan hubungan antara sektor swasta dan kerajaan dalam pertubuhan itu bagi memudahkan pelaksanaan pasaran bersama ASEAN.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, sebuah forum mengumpulkan sektor swasta dan menteri negara-negara anggota akan diadakan di Kuala Lumpur sebelum akhir tahun ini bagi membincangkan perkara tersebut.

Menurutnya, Persyarikatan ASEAN dibentuk untuk melancarkan gagasan ASEAN sebagai

satu pasaran di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang pelaksanaannya dipercepatkan dari tahun 2020 kepada 2010.

“Pasaran bersama ini akan dimulakan untuk 11 produk yang telah dikenal pasti pada 2010 sebagai projek perintis,” katanya di sini hari ini.

Rafidah berada di Bali untuk menghadiri mesyuarat tidak rasmi Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-9 yang bermula hari ini.

Pelaksanaan program ASEAN sebagai satu pasaran dipercepatkan dengan memberi keutamaan ke atas 11 produk iaitu automotif, elektronik, kayu, getah, tekstil, penerbangan, pelan-

congan, kesihatan, agrobisnes dan e-perniagaan serta perikanan.

Beberapa ahli perniagaan pada Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN ke-9 mengeluh kerenah birokrasi yang banyak menghambat kelancaran kerjasama perniagaan antara syarikat di negara-negara ASEAN.

Rafidah menjelaskan langkah menubuhkan Persyarikatan ASEAN juga selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menekankan pentingnya hubungan antara sektor swasta dan kerajaan.

“Kita sekarang sedang bergerak cepat untuk merealisasikan

ASEAN sebagai satu pasaran dan ini memerlukan hubungan baik antara sektor swasta dan kerajaan. Sektor swasta perlu tahu apa yang akan mereka lakukan,” jelasnya.

Semalam Dr. Mahathir semasa berucap pada majlis penghargaan atas sumbangannya kepada ASEAN oleh Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN menekankan pentingnya hubungan baik antara sektor swasta dan kerajaan.

Dalam majlis di luar jadual itu, beliau menceritakan pengalaman Malaysia yang telah berjaya menjalin hubungan baik dengan sektor swasta melalui konsep Persyarikatan Malaysia dan dasar penswastaan. — *Utusan*